

KERATAN AKHBAR
(UNIT KOMUNIKASI KORPORAT)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 5/10/2013

Muka surat: 13

Tajuk : Kembara Zoologi Tarik Minat Murid Terhadap Flora, Fauna.

Kembara Zoologi tarik minat murid terhadap flora, fauna

KOTA SAMARAHAN: Unit Zoologi, Fakulti Sains dan Teknologi Sumber Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berjaya menarik minat lebih 100 murid sekolah rendah terhadap flora dan fauna melalui program Kembara Zoologi.

Program sehari itu diadakan di Sekolah Kebangsaan Meranek, Kota Samarahan bertujuan menyemai rasa cinta terhadap alam semula jadi yang perlu dipelihara.

Menurut Ketua Unit Zoologi UNIMAS Dr Mohd Azlan Jayasilan, pendedahan kepada generasi baharu tentang

kehidupan flora dan fauna penting bagi mengekalkan khasanah alam yang penuh bernilai itu.

“Kadangkala kita tidak tahu sehingga kita menyedari ia sudah pupus.

“Sebab itu pentingnya menjaga dan mendedahkan kepada mereka ini tentang penjagaan biodiversiti,” katanya melalui kenyataan akhbar kelmarin.

Justeru, tegasnya, Kembara Zoologi itu adalah platform terbaik dalam mendidik dan menyemai rasa cinta terhadap flora dan fauna di kalangan generasi baharu.